

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

3hb. Mach, 1970

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1970

Tuan,

Perubahan Gaji dan Syarat2 Perkhidmatan bagi Pekerja2 Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar: Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1969 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1969

Saya di-arah mengeluarkan penjelasan mengenai berbagai perkara yang dibangkitkan oleh Ketua2 Jabatan berhubung dengan pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1969](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1969](#).

Chara Pemindahan kapada Gaji2 Baharu bagi Pekerja2 Lelaki yang berumur di bawah 17 tahun dan Pekerja2 Wanita

2. Pekerja2 lelaki yang berumur di bawah 17 tahun dan pekerja2 wanita yang sedang menerima gaji atas kadar 4/5 daripada gaji pokok bagi pekerja2 lelaki dewasa yang menjalankan kerja yang sama sekarang ini akan di bayar gaji yang sama kadarnya ka-dalam Gaji Suffian maka gaji pokok mereka, elauan sara hidup, elauan sementara dan elauan perumahan mengikut kadar di-Kuala Lumpur hendaklah di-campor dan jumlahnya dipindahkan kapada Gaji Suffian berasas kepada rumusan2 (Formulae) yang berikut :-

- (a) Jika jumlah gaji itu lebih daripada mata gaji yang rendah sa-kali dalam tangga-gaji yang baharu itu, maka ia-nya hendaklah dipindahkan kadalam tangga-gaji baharu itu ka-mata-gaji yang berdekatan sa-kali selepas jumlah gaji itu.
- (b) Jika jumlah gaji itu kurang daripada mata gaji yang rendah sa-kali dalam tangga-gaji yang baharu itu, maka ianya hendaklah dipindahkan ke mata gaji yang rendah sa-kali dalam tangga-gaji yang baharu itu.
- (c) Jika jumlah gaji itu sama dengan mata-gaji dalam tangga-gaji yang baharu itu, maka ianya hendaklah di-pindahkan ka-mata-gaji itu.
- (d) Mata-gaji tetap yang ada sekarang ini hendak-lah di-pindahkan terus kamata gaji tetap yang baharu.
- (e) Lamanya pekerja itu berkhidmat atau pun tempoh ia terhenti (stagnate) disesuatu mata-gaji itu tidaklah boleh di-kira untuk menentukan mata gaji baharu.

Tarikh Kenaikan Gaji

3. (a) Bagi menentukan tarikh kenaikan gaji pekerja2 Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar

yang telah terhenti di-mata gaji yang tertinggi sekali dalam tangga gaji berkenaan sebelum 1hb. Mei, 1968 maka telah di-putuskan bahawa tarikh kenaikan gaji bagi pekerja2 dalam gulongan di-tetapkan sebagai 1hb. Jun, 1969. Kesan penetapan ini ia-lah mata gaji pekerja2 yang berkenaan bolehlah di-pindahkan ka-mata gaji yang sesuai dalam Gaji Suffian pada 1hb. Mei, 1969, dan pada 1hb Jun, 1969 mereka itu akan layak mendapat kenaikan gaji. Tarikh kenaikan gaji mereka bagi kenaikan gaji yang akan datang, jika ada, ia-lah pada 1hb. Jun.

- (b) Tarikh kenaikan gaji pekerja2 Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar yang jatoh pada 1hb. Mei, 1969 akan dikira sebagai 30hb. April, 1969 ia-itu bagi maksud pemindahan gaji mereka kepada Gaji Suffian di-bawah berbagai2 Lampiran yang berkenaan.

Pengambilan semula pegawai2 bersara

4. Orang-orang pencen yang diambil bekerja semula hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja sementara dan boleh menerima gaji berseh yang penuh yang senilai dengan gaji yang sedang mereka terima jika mereka bekerja dalam perkhidmatan dan jawatan yang sama seperti mereka bekerja sebelum mereka bersara dahulu dan mereka bolehlah layak menerima kemudahan-kemudahan (perquisites) dan elau-elau yang lain sama seperti yang diberi kepada pekerja-pekerja sementara. Bagi mereka yang diambil bekerja semula dalam jawatan-jawatan yang lain, mereka bolehlah menerima gaji bersih yang penuh bagi jawatan itu.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja2

5. Semua pekerja membuat pilihan sendiri untuk menerima Gaji Berseh (Gaji Suffian) dan sedang membayar charum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja2 hendaklah terus membayar charum kepada Kumpulan Wang itu tetapi berasas kepada Gaji Berseh (Gaji Suffian) sehingga galah jawatan2 mereka itu telah di-wartakan sa-bagai jawatan yang berpencen dan juga pekerja2 yang berkenaan telah di-tempatkan kajawatan yang berpenchen.

Lebehmasa

6. Peluang adalah juga di-ambil di sini untuk menjelaskan beberapa pertanyaan yang telah di terima mengenai tarikh kuatkuasa [Pekeling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1969](#) berkenaan dengan lebih masa.

1. Perenggan ini membatalkan dan menggantikan perenggan asal menurut [SPP. Bil. 5/74](#), bertarikh 25.2.1974. Perenggan ini adalah seperti berikut :-

"4. Sharat2 dan peratoran2 perkhidmatan bagi pegawai2 bersara yang di-ambil untuk bekerja samula hendak-lah sama dengan syarat2 dan peratoran2 perkhidmatan pegawai2 sementara; tetapi pegawai2 yang bersara itu hanya boleh di-bayar gaji 4/5 daripada gaji berseh Suffian."

7. [Pekeling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1969](#) hendaklah berjalan kuatkuasanya pada 1.9.1969 ia itu pada tarikh yang sama dengan elauan dan kemudahan yang lain yang di tentukan dalam [Pekeling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1969](#) itu mula berkuatkuasa.

8. Sekiranya ada apa-apa kesulitan berhubung dengan perkara ini, Jabatan - Jabatan hendaklah merujukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

9. Chara mengira gaji sejam hendaklah berdasarkan kepada rumusan yang diberi dalam P. A. 'H' 9 (a) iaitu :-

$$\frac{\text{Gaji}}{\text{Tahunan}} = \text{gaji sejam}$$
$$\frac{313 \times 8}{\text{ }} = \text{gaji sejam}$$

Saya yang menurut perentah,

(ABDUL AZIZ BIN ZAKARIA)
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Setia Usaha-Usaha Tetap/Setia Usaha-Usaha kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat, Setia Usaha Kerajaan Negeri di Malaysia Barat.

Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu.